

**AMANAT  
KETUA PENGARAH  
PLANMALAYSIA**

**sempena**

**MAJLIS AMANAT AWAL TAHUN 2021**

**Pada  
25 Februari 2021 (Khamis)  
bersamaan  
13 Rejab 1442H**

**Bismillahirrahmanirrahim.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Sejahtera.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى أَشْرَفِ الْأَئْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلٰى ءاَلِه وَصَاحِبِه أَجْمَعِينَ.

Terima kasih saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia, Dato' TPr Dr. Zainah binti Ibrahim,

## Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan;

Pengarah-Pengarah Negeri, Pengarah-Pengarah Bahagian,  
Pengurus-Pengurus Projek, Ketua-Ketua Unit, Pegawai-  
Pegawai Kader dan semua warga PLANMalaysia yang saya  
kasih.

## **KATA KATA ALUAN**

1. Syukur Alhamdulillah, dengan limpah kurnianya, pada pagi ini kita dapat hadir bersama-sama dalam Majlis Amanat Awal Tahun 2021. Kebiasaannya, majlis ini dibuat di awal tahun. Namun akibat daripada pelaksanaan PKP 2.0, Majlis yang dijadualkan pada 18 Januari 2021 hanya boleh berlaku pada 25 Februari 2021. Kehadiran YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan semua secara maya amat saya hargai.
  
2. Saya merasakan, walaupun sudah ke penghujung Februari, masih tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan **Selamat Tahun Baru 2021** kepada semua warga PLANMalaysia. Sempena bulan Rejab ini, saya mendoakan agar semua warga PLANMalaysia, berada dalam keadaan sihat walafiat, selamat dan sentiasa dilindungi Allah daripada pandemik Covid-19. Terima kasih diucapkan kepada Pengarah dan warga Bahagian Korporat selaku urusetia yang menganjurkan **Majlis Amanat Ketua Pengarah Tahun 2021** ini.

3. Tercetusnya idea untuk menjadikan tema **CABARAN DISAHUT, ASPIRASI DICAPAI** adalah selari dengan situasi dan cabaran yang sedang dan bakal kita hadapi bersama. Pandemik Covid-19, telah banyak memberi perubahan kepada persekitaran kehidupan dan amalan sehari-hari kita. Perubahan ini, memberi impak yang besar dalam dunia pekerjaan dan perkhidmatan kita. **Norma baharu dan Prosedur Operasi Kerja (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) perlu diterima pakai (*adopt*) dan diadaptasi secepat dan sebaik mungkin.
  
4. Kepatuhan dan penyesuaian kepada norma baharu ini, berkemungkinan besar akan menjadi satu budaya yang kita tidak boleh elak. Perkara ini, tidak boleh lagi dijadikan sebagai alasan untuk kita tidak memberikan perkhidmatan yang terbaik, cekap dan efektif. Ini terutamanya dalam usaha kita mengembeling sumber yang ada, termasuk sumber manusia, kewangan dan teknologi dalam mencapai hasrat kerajaan bagi mempercepatkan proses pemulihan sosial dan ekonomi negara.

5. Sehubungan itu, semua warga kerja PLANMalaysia diseru untuk menjadi lebih aktif, kreatif dan inovatif dengan memanfaatkan teknologi dalam menjalani kebiasaan baharu (*new normal*). Aspirasi ini hendaklah disahut oleh semua warga PLANMalaysia bagi memastikan semua urusan kerja dapat dilaksanakan dengan cepat, sempurna dan berkualiti seiring dengan ekspektasi KPKT.

**Warga PLANMalaysia yang Saya Kasihi Sekalian,**

## **PENCAPAIAN TAHUN 2020**

6. Walaupun pada tahun 2020, kita menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan akibat daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakkan (PKP). Namun, dengan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak, kita telah berjaya melaksanakan semua tanggungjawab yang diamanahkan. Sasaran KPI Jabatan tahun 2020 telah berjaya kita capai. Pencapaian prestasi keseluruhan perbelanjaan Jabatan juga cemerlang, di mana peruntukan P.43 yang dibelanjakan **adalah sebanyak 99.66% (RM26,324,261)**. Manakala bagi **prestasi perbelanjaan B.43 adalah 98.66% (RM35,878,032)**. Syabas kepada semua pihak yang telah berusaha dan komited dalam perbelanjaan kepada peruntukan yang telah dirancang.

7. Secara keseluruhannya, Jabatan telah berjaya melaksanakan tiga (3) kali **Mesyuarat Perancang Fizikal Negara (MPFN)** yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Di mana sebanyak 14 kertas kerja telah dibentangkan di dalam mesyuarat tersebut.
8. Dari segi pelaksanaan kajian, selain daripada penyediaan **Rancangan Pemajuan** yang merangkumi penyediaan enam (6) Rancangan Tempatan dan satu (1) Rancangan Kawasan Khas oleh Pejabat Projek, Jabatan juga telah menghasilkan empat (4) **kajian strategik utama Jabatan** iaitu **Draf Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-4, Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu (RWB), Penentuan Sempadan Bandar, dan Penentuan Sempadan Kampung.**
9. Melaksanakan dua (2) kajian peringkat wilayah iaitu **Pelan Induk Perancangan Bersepadu Guna Tanah Pengangkutan Awam Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang - Putrajaya (Selangor - Kuala Lumpur - Putrajaya) (Laluan SSP) (Laluan 2)** dan **Pelan Induk Rangkaian Ekologi - Central Forest Spine (CFS);**
10. Menyediakan lapan (8) kajian Garis Panduan Perancangan dan satu Standard Bandar Pintar;

**Para hadirin sekalian,**

11. Selain itu, bagi mengukuhkan tadbir urus Jabatan dan membudayakan integriti yang tinggi di kalangan warga kerja PLANMalaysia, **Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM)** **PLANMalaysia (Edisi Kedua)** dan **Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PLANMalaysia** telah disediakan.
  
12. Produk-produk yang telah dihasilkan oleh Jabatan perlu disebar luas kepada agensi teknikal dan *stakeholders*. Saya mengharapkan kerjasama daripada semua warga **PLANMalaysia sama ada yang berada di Ibu Pejabat, PLANMalaysia@Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Pegawai Kader di Kementerian atau di agensi teknikal** perlu bersama-sama membantu untuk menjelaskan mengenai kepentingan dan keperluan semua produk utama Jabatan yang telah disediakan.

## **Warga PLANMalaysia yang Saya Kasihi Sekalian**

### **MENDEPANI CABARAN TAHUN 2021**

13. Segala kejayaan dan pencapaian tahun 2020, sudah pastinya menjadi motivasi kepada kita semua dalam menghadapi cabaran yang lebih hebat pada tahun 2021 ini. Cabaran PLANMalaysia pada masa kini adalah jauh lebih kompleks dan rumit dalam memenuhi aspirasi kerajaan yang telah disampaikan oleh KPPA pada 13 Januari 2021 yang bertemakan **2021: Mendepani Cabaran, Melangkaui Ekspektasi** serta amanat YB Menteri KPKT yang menekankan kepada **2021 Tahun Pelaksanaan – Cepat dan Responsif**. KPKT menyarankan agar semua pelaksanaan projek/program perlu disiapkan 50% lebih cepat daripada tempoh penyediaan yang biasa.
  
14. Justeru, bagi memastikan **aspirasi stakeholders** dapat dicapai, saya menggesa agar semua warga PLANMalaysia bangkit dengan pantas, menyahut cabaran yang bakal didepani. Adalah penting untuk semua warga kerja PLANMalaysia mempunyai **sense of urgency** dalam melaksanakan tugas sehari-hari. Kita harus melipat gandakan usaha serta mencari solusi yang lebih kreatif, inovatif serta praktikal bagi memastikan semua kajian atau projek tahun 2021 dapat memenuhi ekspektasi semua pihak.

15. Walaupun penyediaan Rancangan Pemajuan dan Garis Panduan Perancangan merupakan satu tugas yang kita sangat biasa melaksanakannya. Namun, saya ingin menegaskan, agar perhatian dan penekanan khusus perlu diberikan dalam menghasilkan rancangan pemajuan atau kajian yang dapat diterima, diguna pakai serta menepati kehendak semua *stakeholders* kita.
16. Dalam konteks ini, saya amat mengharapkan agar penyediaan dokumen seperti Rancangan Tempatan, Rancangan Kawasan Khas dan lain-lain kajian dapat **memperterjemahkan segala konsep pembangunan terkini**. Ianya meliputi aspek pengurusan risiko, *smart city*, *digital economy*, *circular economy* dan konsep baru seperti *ecowaste park*, *managed industrial park*, Dasar Komuniti Negara dan lain-lain. Ini bertujuan untuk memastikan hasil laporan adalah efektif dan praktikal bagi mencapai aspirasi rakyat dan pemimpin negara.

17. Sejak hari pertama saya dilantik sebagai Ketua Pengarah PLANMalaysia yang ke-19 pada 9 November 2020, saya telah cuba sedaya upaya dengan kudrat, ilmu dan pengalaman yang ada untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik selaku Ketua Pengarah. Saya beriltizam akan bersama-sama dengan Timbalan-Timbalan saya untuk terus berusaha **memartabatkan dan meningkatkan prestasi Jabatan** ke satu aras yang lebih tinggi. Perkara ini perlu, agar dapat menyakinkan Kementerian dan semua *stakeholders*, bahawa perancangan yang kita laksanakan selama ini dan akan datang adalah amat penting serta relevan.
18. Hari ini merupakan hari yang ke 109 hari saya menerajui PLANMalaysia sebagai Ketua Pengarah. Sepanjang tempoh ini, dengan sokongan dan kerjasama yang padu dari semua warga PLANMalaysia, Jabatan telah berjaya melaksanakan pelbagai program yang telah dirangka. Di antaranya adalah:-

- i. **Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia tahun 2020 (HPBS 2020)** telah diadakan pada **10 November 2020**. Majlis telah dirasmikan oleh **YB Menteri KP KT**, dengan tema **Norma Baharu: Perancangan Melangkaui Kelaziman**, Selaras dengan tema sambutan, Bahagian Korporat telah melaksanakan sambutan HPBS 2020 secara maya sepenuhnya (100%). Walaupun dilaksanakan dengan kaedah yang berbeza dari kebiasaan, ianya telah berjaya mencapai sasaran tontonan di luar jangkaan. Jumlah keseluruhan *viewers* menerusi *FB live* adalah melebihi **13,000 tontonan**.
- ii. Menjayakan *webinar SMART CITY RAP* mengenai *The Importance of Smart City Planning* pada 18 November 2020.
- iii. Melaksanakan semula **Mesyuarat Pagi Jabatan** setiap 2 minggu bermula awal tahun 2021 untuk menyelesaikan isu pentadbiran, masalah-masalah yang timbul mengenai pelaksanaan program Jabatan dan projek pembangunan. Sehingga kini, Mesyuarat Pagi telah diadakan sebanyak 4 kali mesyuarat.

- iv. Pelaksanaan program Jabatan sempena sambutan 100 tahun Perancang Bandar di Malaysia (PBM) yang melibatkan program:
- **Menaikkan Giant Balloon 100PBM** di Bangunan PLANMalaysia pada 30 November 2020.
  - Pelancaran **Pengiklanan di Bas Nadi Putra** pada 16 Disember 2020.
  - **Pameran 100PBM** di Lobi KPKT dengan tajuk “**100 years Planning Story**” bermula pada 17 November 2020 sehingga hujung tahun 2021.
  - Sambutan 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia pada 18 Januari 2021.
  - Tayangan dokumentari **Majalah 3 Menelusuri 100 Tahun Perancang Bandar Malaysia (100PBM)** pada 18 Januari 2020.
- v. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia (JPP) bagi menilai **16 Terma Asas Rujukan projek baharu Tahun 2021** agar relevan, berdaya laksana dan bertepatan dengan kehendak pihak berkepentingan.

- vi. Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Perunding (JPPr) sebanyak 3 kali. Sehingga hari ini, tiga (3) projek Rancangan Kawasan Khas telah pun bermula setelah perunding dilantik mulai pada 15 Januari 2021.
- vii. Menghadiri mesyuarat-mesyuarat penting di peringkat KPKT dan Kementerian lain antaranya:
- Mesyuarat Majlis Tindakan Pembangunan Kementerian, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Bil. 2/2021
  - Mesyuarat Perancangan Dan Pembangunan (Jpp) Kpkt
  - Mesyuarat Susulan Bengkel “*Improving Efficiency Of Regulatory Delivery In Dealing With Construction Permit (DCP) Through Public And Private Sectors Collaboration*” anjuran **Malaysia Productivity Corporation (MPC)**
  - Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inisiatif Bandar Rendah Karbon Bil. 1 Tahun 2021

## ***Key Performance Indicator (KPI) bagi Balance Score Card***

19. Bagi tahun 2021, ***Key Performance Indicator (KPI)*** **Jabatan** telah menyenaraikan 16 sasaran pencapaian utama atau pun KPI Spesifik. Ini melibatkan fungsi dan tanggungjawab semua Bahagian dalam PLANMalaysia.
20. Daripada 16 senarai KPI ini, empat (4) telah disenaraikan sebagai *Ministerial Performance Indicators (MPI)* YB Menteri KP KT dan *Key Performance Indicator (KPI)* KSU KP KT iaitu:
  - i. **Penyediaan Kajian RFN Ke-4;**
  - ii. **Melaksanakan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar Luar Bandar Malaysia (MURNInets) Versi 2.0;**
  - iii. **Standard Penarafan Bandar Pintar; dan**
  - iv. **Pembangunan Malaysia Urban Observatory (MUO)**
21. Selain KPI Spesifik, semua pegawai adalah diwajibkan untuk menghadiri sekurang-kurangnya 3 hari berkursus. Bagi memenuhi syarat berkursus yang ditetapkan, semua pegawai perlu lebih proaktif untuk menyertai kursus secara atas talian yang dianjurkan oleh institut-institut latihan seperti I-KP KT, INSTUN dan lain-lain. Pegawai juga boleh melengkapkan kursus melalui EPSA iaitu E-Pembelajaran Sektor Awam.

## **Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025**

22. Dalam usaha untuk memastikan Jabatan mempunyai perancangan yang teliti dan strategik untuk tempoh lima (5) tahun akan datang. **Pelan Strategik PLANMalaysia 2021-2025** telah dihasilkan. Dokumen ini akan dijadikan sebagai panduan kepada kita semua, untuk memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab PLANMalaysia berada di landasan yang betul dan selaras dengan RMKe-12.

Pelan Strategik PLANMalaysia ini mempunyai **lima (5) Teras Strategik** iaitu :

- i. **Teras Strategik 1 – Memperkuatkan Keberkesanan Perancangan Pengurusan Pembangunan Spatial dan Guna Tanah ke Arah Kesejahteraan Rakyat serta Kemakmuran Negara;**
- ii. **Teras Strategik 2 – Memperluas dan Memantapkan Penyelidikan Pembangunan ke Arah Amalan Perancangan Terbaik Bertaraf Dunia untuk Kesejahteraan Rakyat serta Kemakmuran Negara;**
- iii. **Teras Strategik 3 – Memperkasakan Akta berkaitan Perancangan Bandar dan Desa**

**iv. Teras Strategik 4 – Memperkuatkannya Pengurusan Maklumat Perancangan yang Sistematik dan Efisien**

**v. Teras Strategik 5 – Memperkuatkannya Pembangunan Kapasiti Organisasi dan Urus Tadbir ke Arah Melonjakkan Kecekapan serta Daya Saing**

23. Daripada lima (5) teras strategik ini, **19 Strategi dan 73 Program** telah dirancang untuk pelaksanaan. Lima (5) teras strategik ini telah mengambilkira perancangan bagi menambahbaik penyampaian perkhidmatan PLANMalaysia dalam aspek perkhidmatan dalam talian dan kompetensi di kalangan pegawai-pegawai.
24. Pada hari ini juga, akan diadakan pelancaran bagi Pelan Strategik PLANMalaysia bagi tempoh 2021 – 2025. Semua warga PLANMalaysia perlu memastikan cadangan **program-program yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Strategik Jabatan bagi tahun 2021** dijadikan sebagai **SKT bagi tahun 2021** untuk dilaksanakan sepetimana yang telah dirancang.

25. Antara program-program utama yang telah digariskan bagi tahun 2021 adalah :

- i. Penyiapan dan pelancaran kajian di peringkat nasional berkepentingan negara iaitu **RFN Ke-4, RFZPPN 2, Projek Penentuan Sempadan Bandar** dan sebagainya. **Pelancaran RFN Ke-4** akan dilaksanakan **semasa Hari Sambutan 100 Tahun PBM pada 17 Jun 2021** akan datang;
- ii. Penyediaan **kajian wilayah** iaitu -
  - Kajian Perancangan Gunatanah Kawasan Sumber Makanan Negara;
  - Kajian Pelan Induk Bersepadu Guna Tanah Laluan rel Pantai Timur (East Coast Rail Line – ERCL); dan
  - Kajian Pelan Pengurusan Pembangunan Kawasan Sempadan Antarabangsa Malaysia-Thailand
- iii. Penyediaan tujuh (7) **kajian rancangan tempatan** iaitu:
  - Kajian RT Daerah Padang Terap, Kedah 2035 (Penggantian);
  - Kajian RT Daerah Pendang, Kedah 2035 (Penggantian);
  - Kajian RT Daerah Setiu 2035 (Penggantian);

- Kajian RT Jajahan Tumpat 2035 (Penggantian);
  - Kajian RT Daerah Temerloh 2035 (Penggantian);
  - Kajian RT Majlis Perbandaran Alor Gajah 2035 (Penggantian); dan
  - Kajian RT Majlis Perbandaran Jasin 2035 (Penggantian)
- iv. Penyediaan tiga (3) **kajian rancangan kawasan khas** iaitu –
- Kajian RKK Kota DiRaja Arau, Perlis;
  - Kajian RKK Bandar Warisan Taiping; dan
  - Kajian RKK Genting Highlands Hulu Selangor
- v. Pelaksanaan lapan (**8**) **Program Localising Cadangan Rancangan Pemajuan (LCRP)** melibatkan **PPZ, BMGN dan MUO**;
- vi. Penyediaan **GPP baharu** iaitu GPP Ladang Solar;
- vii. Penyediaan **Panduan Pelaksanaan Penilaian Impak Sosial (SIA) bagi Projek Pembangunan (PPSIA)**;
- viii. Penyediaan **Standard Penarafan Bandar Pintar Malaysia** bagi tujuan keseragaman pembangunan data-data berkaitan bandar pintar serta integrasi dengan ‘*National Smart City Platform*’ di masa hadapan;

- ix. Memastikan penyertaan 100% oleh PBT di **Semenanjung dan Wilayah Persekutuan** di dalam program **MURNInets 2.0**;
  - x. Memperkasa pelaksanaan Akta 172 melalui penyediaan tatacara dan program hebahan;
  - xi. Memperkuuhkan pangkalan data perancangan melalui pembangunan platform MUO dan pengemaskinian maklumat guna tanah I-Plan melalui **Naiktaraf dan Peluasan Sistem maklumat Guna Tanah Perancangan Bersepadu (I-PLAN)** dan **Pembangunan Sistem *Malaysia Urban Observatory (MUO)***; dan
  - xii. Memperkuuhkan pembangunan organisasi dengan penyediaan kertas cadangan penstrukturkan semula organisasi jabatan.
28. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12), PLANMalaysia telah diperuntukkan sebanyak **RM25.8 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan P.43 Rolling Plan 1** dan **RM 61.4juta bagi Perbelanjaan Mengurus (B.43)**. Semua Pengarah dan Pengurus Projek perlu melaksanakan memastikan semua perbelanjaan Jabatan dilaksanakan secara cekap dan berhemah. Cabaran PKP harus ditangani sebaik mungkin untuk memastikan pelaksanaan projek mengikut jadual.

## **MANFAATKAN TEKNOLOGI DIGITAL**

29. Seiring dengan perkembangan teknologi dalam era Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan ekoran daripada pandemik Covid-19 yang berlaku, ianya telah mendorong pihak kerajaan meningkatkan usaha menguasai teknologi digital. Berdasarkan keperluan tersebut, satu **Pelan Tindakan Jalinan Digital Negara (Jendela)** telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada **29 Ogos 2020**. Ianya akan menjadi platform penambahbaikan komunikasi digital negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12).
30. Kertas kerja berkaitan **Memperkuatkan Infrastruktur Digital Negara dan Penyelarasannya dengan Perancangan Spatial Negara** telah dibentangkan di Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara Ke-36 (Bil.3/2020) pada 27 Oktober 2020.
31. Satu garis panduan iaitu **Garis Panduan Perancangan Infrastruktur Komunikasi (GPP-I)** sedang ditambahbaik oleh pihak SKMM. PLANMalaysia merupakan salah satu agensi teknikal yang terlibat dalam sesi rundingan dan bengkel berkaitan penyediaan garis panduan tersebut.

32. Trend perkhidmatan pendigitalan sektor awam ini, menuntut PLANMalaysia menyahut cabaran revolusi digital ini. Secara umumnya, penawaran teknologi seperti *Artificial Intelligence (AI)*, *Internet of Things (IoT)*, *Cloud Computing*, dan lain-lain produk teknologi yang bersesuaian perlu diterokai bagi memastikan perkhidmatan penyampaian Jabatan lebih lancar dan berkesan.

### **Penubuhan MUO dan Unit Bandar Pintar**

33. PLANMalaysia juga telah menubuhkan satu unit baharu iaitu **Unit *Malaysia Urban Observatory*** pada 1 November 2020. Unit MUO kini, ditempatkan di bawah Pejabat Projek Zon Tengah. Matlamat utama pengwujudan MUO di PLANMalaysia adalah untuk membangunkan ***platform Data Raya bandar (urban Big Data)*** di peringkat nasional bagi membentuk sistem pengurusan data bandar yang **komprehensif dan inklusif**, yang menyediakan solusi untuk menangani isu-isu perbandaran yang akan menjadi asas dalam membantu membuat keputusan perancangan spatial dengan lebih berkesan bagi mencapai pembangunan mampan ke arah kesejahteraan masyarakat.

34. Bagi merealisasikan perkara ini, satu sistem MUO (Fasa 1) akan dibangunkan. Sejumlah **RM28.7 juta** telah diperolehi untuk membangunkan sistem MUO (Fasa 1) yang akan menjadi projek utama Kementerian dan Jabatan. Sistem MUO akan **menyediakan platform perkongsian data pintar** yang boleh diintegrasikan dengan aplikasi *smart city*. Sistem ini akan membantu membuat keputusan perancangan, menangani isu perbandaran, menyediakan maklumat perbandaran akan meningkatkan tahap operasi dan perkhidmatan Pihak Berkuasa.
35. PLANMalaysia akan bertindak sebagai Jabatan peneraju dalam perkongsian data antara agensi yang terlibat. Cadangan ‘*City to City Connections*’ melalui perkongsian dan pengintegrasian data dapat membantu meningkatkan tahap pelaksanaan *urban observatory* di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

## **UNIT SMART CITY**

36. Selain itu, Unit Smart City di PPZT telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan Standard Indikator Bandar Pintar bersama Jabatan Standard Malaysia bagi tujuan penarafan Bandar Pintar (*Smart City*) berdasarkan kepada ISO 37122 Smart City Indicators.

37. Selain itu, Unit ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan Garispanduan Perancangan Bandar Pintar, membantu penyediaan Pelan Tindakan (*Blue Print*) Smart City di peringkat tempatan dan juga negeri.

## **100 TAHUN PERANCANG BANDAR DI MALAYSIA**

38. Tahun 2021 ini, merupakan tahun ke-100 Profesional Perancang Bandar di Malaysia (PBM). Kita harus berbangga dengan kejayaan kita dalam memacu perancangan dan pembangunan negara sepanjang tempoh tersebut.

39. Sambutan 100 Tahun Profesional Perancang Bandar di Malaysia (PBM) akan diadakan pada 17 Jun 2021 yang akan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri. Mesyuarat Kick Off bersama Rakan Strategik Sambutan telah diadakan dan pelbagai program dan promosi telah dirangka untuk Sambutan 100PBM pada tahun 2021 ini.

40. Sebagai langkah promosi juga, Jabatan telah menyedia dan mengedarkan kalendar, planner, buku nota dan pelekat kenderaan kepada semua lapisan pegawai untuk promosi 100PBM sepanjang tahun.

41. Saya mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada semua pengarah negeri untuk sama-sama mempromosikan 100PBM di peringkat negeri. Tahniah diucapkan buat kepada semua PLANMalaysia@Negeri dan semua rakan strategik yang telah turut sama mempromosi dan melaksanakan program-program bagi sambutan ini.

### **Warga PLANMalaysia yang Saya Kasihi Sekalian**

42. Bahagian Korporat, Jabatan juga telah berjaya menghasilkan Pelan Media Jabatan dengan input daripada semua Bahagian.

43. Kita akan terus memperkasakan media sosial PLANMalaysia dengan sasaran menaikkan *subscribers youtube channel* PLANMalaysia *official* sebagai satu wadah untuk mendekati semua lapisan masyarakat. Dan, saya juga menyeru agar semua Pengarah Negeri untuk terus mempergiatkan usaha untuk memperkenalkan dan memperkuuhkan peranan di peringkat daerah dan negeri.

## **Urusan Penempatan/Perpindahan Pegawai**

44. Untuk makluman semua, seperti tahun-tahun sebelum ini, Jabatan akan melaksanakan penempatan/perpindahan pegawai berikutan persaraan pegawai dan kenaikan pangkat. Pergerakkan pegawai ini tidak hanya akan melibatkan pegawai di kumpulan Pengurusan dan Profesional tetapi juga Kumpulan Pelaksana.
45. Justeru itu, adalah diharapkan agar semua pegawai yang terlibat dapat menerima penempatan / pertukaran yang telah dan akan dibuat bagi memastikan kelancaran pengurusan sumber manusia.
46. Pihak pengurusan sering menerima rayuan bagi arahan penempatan/pertukaran. Kita akan cuba meneliti segala rayuan dengan alasan yang munasabah sebelum sesuatu keputusan dibuat. Namun, sudah semestinya, pihak pengurusan tidak mampu untuk melayani semua rayuan secara 100%. Tetapi kita akan cuba sedaya upaya untuk buat yang terbaik.
47. Sebagai penjawat awam, sudah semestinya kita perlu patuh kepada arahan dan adakalanya perlu berkorban demi tanggungjawab yang harus dipikul dan akujanji kita sebagai penjawat awam. .

48. Pada tahun ini akan berlaku perubahan besar berikutan persaraan beberapa pucuk pimpinan tertinggi dan pengurusan PLANMalaysia. Umpama pepatah melayu, **patah tumbuh hilang berganti**, maka terdapat pegawai-pegawai yang akan mendapat kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut. Saya menyeru kepada seluruh warga kerja PLANMalaysia untuk terus memberi sokongan kepada tumpuk pimpinan yang baharu nanti.
49. Pembekalan **vaksin Covid-19 bagi Fasa Pertama** telah pun bermula. Sehubungan itu, saya menyarankan agar semua warga kerja PLANMalaysia yang layak mendapat suntkan **mendaftar sebagai penerima vaksin**. Vaksinasi ini, penting untuk kita semua bagi melindungi diri kita dan keluarga daripada jangkitan COVID-19. **Lindungi diri, Lindungi semua.**

## **PENUTUP**

50. Bagi merealisasikan semua perkara yang telah dirancang oleh Jabatan, saya amat memerlukan sokongan daripada semua Pengarah-Pengarah Bahagian dan Negeri serta semua lapisan pegawai.

51. Tahun baharu 2021 ini pastinya akan mempunyai kisah dan peristiwa yang tersendiri. Cabaran yang datang mungkin berbeza daripada apa yang pernah kita alami. Adalah penting untuk kita sama-sama mendepaninya dengan kesungguhan, keberanian dan penuh semangat perpaduan antara kita. Marilah kita sama-sama **berusaha memastikan Cabaran Disahut, Aspirasi Dicapai.**
52. Akhir kata, marilah kita sama-sama berusaha untuk melaksanakan segala tanggungjawab secara bersama dan menetapkan azam kita bagi memastikan PLANMalaysia akan sentiasa relevan kepada *stakeholder* dan masyarakat.
53. Saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan **Selamat Menyambut 100 tahun Hari Perancangan Bandar di Malaysia.** Semoga negara kita terus kukuh dan maju di bawah lindungan Allah s.w.t juga.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**